

Persidangan Antarabangsa

THE LANGUAGES AND LITERATURES OF WESTERN BORNEO: 144 YEARS OF RESEARCH

di Universiti Kebangsaan Malaysia

Persidangan Antarabangsa *The Languages And Literatures Of Western Borneo: 144 Years Of Research* ini dianjurkan oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Institut Kajian Oksidental (IKON), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama *The Jugah Foundation* serta Dewan Bahasa dan Pustaka. Persidangan kali ini adalah hasil daripada satu projek penyelidikan ATMA yang bertemakan *Borneo: The Homeland Of Malay Language* yang diketuai oleh Profesor James Collins, bermula pada tahun 2000. Projek ini merupakan satu lagi langkah ATMA untuk memecah ruyung, iaitu untuk menguji dan membuktikan hipotesis bahawa Bahasa Melayu bukan hanya berasal dari wilayah Johor-Riau tetapi juga dari Borneo Barat. Persidangan ini juga adalah sebagai pembuka tirai kepada sambutan ulangtahun ke-35 tahun UKM. ATMA juga telah mempromosikan portalnya iaitu www.malaycivilization.com yang mengandungi 11 pangkalan data digital mengenai pelbagai aspek kebudayaan, kesenian

dan warisan Alam Melayu di Malaysia. Persidangan tiga hari ini disertai oleh kira-kira 30 orang peserta dari pelbagai lapisan masyarakat yang berminat dalam peradaban Melayu. Sebanyak 38 kertas kerja telah dibentangkan yang meliputi perkara berikut:

- i. Oral Literature
- ii. Ethnography and
- iii. Language
- iv. Linguistics and Lexicography
- v. Society and Language
- vi. Classification and Culture
- vii. Written Literature
- viii. Names and Naming

Persidangan ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Di dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan berbesar hati memberi kerjasama dengan ATMA untuk memartabatkan bahasa Melayu.

PENASIHAT

Dr. Haji Wan Ali bin Wan Mamat
Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia

SIDANG PENGARANG

Puan Salimah Binti Abd. Rahman • Effah Imtiaz Binti Zainol

URUS SETIA

Perpustakaan Negara Malaysia, Pusat Manuskrip Melayu
232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur
Tel: 26871756/186
Laman Web: <http://www.pnm.my> • E-mel: pnm@pnm.my

“راجين ممباچ فاستي برجای”